

SOALAN NO: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
[SIK]
TARIKH : 02 OGOS 2017
SOALAN : 53**

YB Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebab pegawai perubatan kontrak diberi kelonggaran syarat lulus Bahasa Malaysia, memandangkan polisi baru yang diluluskan oleh JPA akan melemahkan Bahasa Melayu dan secara tidak langsung juga mengurangkan keyakinan terhadap kepentingan bahasa kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu kelulusan Bahasa Melayu telah pun selesai ditangani oleh Kerajaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017 yang memutuskan bahawa:

- (1) kelonggaran syarat kelayakan Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah ditarik balik dan kekal sepertimana yang diperuntukkan dalam syarat

- skim perkhidmatan Pegawai Perubatan; dan
- (2) Keputusan ini termasuk juga bagi urusan pelantikan Pegawai Perubatan kontrak Gred UD41.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini Kementerian memohon pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu ini bagi tujuan untuk membolehkan graduan perubatan melaksanakan latihan siswazah sebagaimana keperluan Akta Perubatan 1971.

Di bawah Seksyen 13(2), Akta Perubatan 1971 telah ditetapkan bahawa seseorang graduan perubatan yang diberi Pendaftaran Sementara oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi tujuan menjalani dan melengkapkan *housemanship*. Pada masa ini latihan *housemanship* dilaksanakan selama 2 tahun dan hanya boleh dilaksanakan di Hospital Kerajaan sahaja sebelum boleh diberi Pendaftaran Penuh sebagai Pegawai Perubatan terlatih.

Sementara itu, di bawah Seksyen 40, Akta Perubatan 1971 turut menetapkan bahawa Pegawai Perubatan perlu menjalani perkhidmatan wajib selama 2 tahun setelah diberi Pendaftaran Penuh bagi membolehkan mereka mengamal sebagai doktor perubatan di Malaysia sama ada di sektor awam atau swasta.

Mengambil kira keperluan graduan perubatan perlu menjalani siswazah, sebelum boleh dipertimbangkan Pendaftaran Penuh, maka pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM telah diberi kepada graduan berkenaan hanya bagi tujuan lantikan kontrak sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan lantikan tetap, mereka perlu lulus Bahasa Melayu.

Pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan di KKM dilaksanakan mulai 5 Disember 2016. Sehingga 17 Julai 2017, seramai 4,604 graduan Perubatan dari IPTA dan IPTS dari dalam dan luar negara telahpun dilantik. Hanya 7 graduan perubatan tidak mempunyai kelulusan Bahasa Melayu di peringkat SPM telahpun dilantik. Manakala, 16 graduan lagi telah berdaftar dengan SPA dan urusan pelantikan mereka dijangkakan pada masa akan datang selepas mereka memenuhi syarat lulus Bahasa Melayu.